



## TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO 'SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**RAKAMAN VIDEO PENGGAMBARAN  
PAMERAN “DARI GABENOR KE TYT”**

**PADA 9 OGOS 2022 (SELASA) JAM 10:00 PAGI  
BERTEMPAT DI HOTEL E&O, PULAU PINANG**

*Bismillahirrahmanirrahim*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan

Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Pameran “Dari Gabenor ke TYT” yang telah dirangka selama setahun telah berjaya dilaksanakan.
  
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yeoh Soon Hin, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE), Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP) dan semua agensi-agensi berkenaan yang telah bertungkus lumus menjayakan pameran ini.

Hasil usaha gigih ini telah berjaya membawa pameran yang amat bermakna dan bersejarah untuk tatapan seluruh masyarakat, khususnya warga Pulau Pinang.

3. Saya dimaklumkan pameran seperti ini belum pernah diadakan di mana-mana negeri dan Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama di Malaysia yang melakar sejarah bagi memperkenalkan institusi Gabenor atau Yang di-Pertua Negeri kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

4. Pameran yang dijangka berlangsung selama 10 bulan ini akan menjelajah ke 5 buah Daerah di seluruh negeri Pulau Pinang, bermula di Dewan Sri Pinang bagi Daerah Timur Laut dan seterusnya di empat ruang Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang di Seberang Jaya di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Cawangan Bertam bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Cawangan Jawi bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Cawangan Balik Pulau bagi Daerah Barat Daya (DBD).

5. Objektif pameran ini adalah untuk membuka mata masyarakat kepada institusi Yang di Pertuan Negeri termasuk pemilihan, peranan, fungsi dan tanggungjawab Yang di-Pertua Negeri dalam hal ehwal pentadbiran negeri.

6. Sebagai figura yang memayungi sebuah negeri yang terdiri daripada pelbagai bangsa, ugama dan budaya, pameran ini diharapkan akan dapat merapatkan hubungan di antara rakyat dan institusi Yang di-Pertua Negeri. Pelawat-pelawat juga dapat mengenali dengan lebih dekat T.Y.T. Negeri Pulau Pinang yang telah berkhidmat di negeri ini semenjak kemerdekaan di samping menatapi koleksi-koleksi peribadi mereka yang dipamerkan.
7. Pulau Mutiara bukan sahaja kaya dengan keunikan seni bina bangunan-bangunan bersejarahnya tetapi juga mempunyai masyarakat majmuk yang hidup harmoni dan bersatu padu. Impak daripada perpaduan yang wujud ini, telah menjadi penyumbang terbesar kepada kepesatan ekonomi dan pembangunan sosial negeri ini.
8. Harapan saya agar pengunjung dari luar dan dalam negeri dapat mendalami dan merasai sendiri pengalaman istimewa serta informasi menarik mengenai institusi Gabenor atau Yang di-Pertua Negeri ini. Pulau Pinang memang terkenal sebagai sebuah negeri yang masyhur di mata pelancong. Pameran ini juga adalah diharap akan menjadi pelopor atau perintis kepada negeri negeri lain bagi mengadakan pameran seperti ini untuk pengetahuan masyarakat. Dalam hal ini sukacita saya mengambil kesempatan menyeru kepada setiap lapisan masyarakat di negeri Pulau Pinang untuk sama-sama mengunjungi Pameran “Dari Gabenor ke TYT”.

9. Akhir kata, saya mendoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi negeri ini dari sebarang unsur negatif supaya dapat kita terus maju, makmur dalam keadaan aman dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*